




# Institusi Pengajian Tinggi dan Pembinaan Karakter Mahasiswa Muslim: Sorotan Literatur

Afiq Afnan Surjana \*<sup>1</sup>, Afiq Fadhlullah Yusoff <sup>2</sup>, Muhammad Al Afiq Amiruddin <sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka secara kontekstual peranan institusi pengajian tinggi dalam membentuk sahsiah Muslim dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajian Islam (SHPI) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes telah digunakan, melibatkan temu bual separa struktur bersama empat orang pensyarah dan empat orang pelajar daripada tahun pengajian berbeza. Analisis data secara tematik mendapati bahawa enam faktor utama menyumbang kepada pembentukan sahsiah Muslim pelajar: (1) kurikulum dan pengajaran komprehensif, (2) persekitaran kampus Islamik, (3) peranan pensyarah sebagai murabbi, (4) penglibatan dalam program khidmat masyarakat, (5) penilaian berterusan dan maklum balas, serta (6) bimbingan dan nasihat dalam pengajaran. Kajian ini menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah Muslim merupakan hasil sinergi antara sistem pendidikan, persekitaran kampus, peranan pensyarah, dan penglibatan pelajar secara aktif. Implikasi kajian mencadangkan agar pihak universiti merancang strategi pembinaan karakter pelajar secara holistik yang berteraskan nilai-nilai Islam demi melahirkan generasi pendidik Muslim yang berakhlak mulia dan berdaya saing.

## SEJARAH ARTIKEL

*Peroleh* 16 Julai 2025  
*Semakan* 16 Ogos 2025  
*Terima* 27 Ogos 2025

## KATA KUNCI

Sahsiah Muslim,  
Pendidikan Islam,  
Institusi Pengajian Tinggi,  
Pensyarah, Pelajar SHPI,  
Analisis Tematik, UTM.

# Higher Education Institutions and the Character Building of Muslim Students: A Literature Review

## ABSTRACT

This study aims to contextually explore the role of institutions of higher learning in shaping the Muslim character (*sahsiah Muslim*) among undergraduate students of Islamic Education (SHPI) at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). A qualitative approach using a case study design was employed, involving semi-structured interviews with four lecturers and four students from different years of study. Thematic analysis revealed six key factors contributing to the development of Muslim character: (1) comprehensive curriculum and teaching, (2) Islamic campus environment, (3) the role of lecturers as *murabbi* and role models, (4) student engagement in community service, (5) continuous assessment and student feedback, and (6) guidance and advice embedded in teaching. The findings indicate that character development among Muslim students is shaped through the synergy of educational systems, campus surroundings, lecturer influence, and active student participation. The study recommends that higher education institutions adopt holistic strategies grounded in Islamic values to produce morally upright and competitive Muslim educators for the future.

## ARTICLE HISTORY

Received 16 Julai 2025

Revised 16 August 2025

Accepted 27 August 2025

## KEYWORDS

Muslim character, Islamic education, higher education institutions, SHPI students, lecturers, thematic analysis, UTM.

## 1. Pengenalan

Islam ialah agama yang syumul, mencakupi seluruh dimensi kehidupan manusia termasuk rohani, jasmani, akal, emosi dan sosial. Salah satu dimensi penting yang ditekankan dalam Islam ialah pembentukan sahsiah atau karakter yang mulia, yang menjadi asas kepada pembinaan masyarakat sejahtera. Mahasiswa Muslim, khususnya mereka yang menuntut di institusi pengajian tinggi dalam bidang Pengajian Islam, merupakan kelompok yang berada dalam posisi strategik untuk membawa nilai-nilai murni Islam ke tengah masyarakat (Abdullah, 2011). Justeru, usaha membentuk Sahsiah Muslim dalam kalangan mereka tidak boleh dipandang ringan.

Institusi pengajian tinggi bukan sekadar tempat untuk menimba ilmu pengetahuan semata-mata, tetapi juga medan pembentukan akhlak, nilai, dan identiti diri yang berasaskan ajaran Islam (Ibrahim, 2020). Pendidikan tinggi Islam menekankan pembentukan insan seimbang berdasarkan konsep insan kamil, yang harmoni dari segi intelek, rohani dan akhlak. Dalam kerangka inilah, peranan universiti sebagai agen sosialisasi dan transformasi nilai menjadi penting dalam membentuk keperibadian mahasiswa Muslim yang cemerlang.

Pembentukan karakter mahasiswa Muslim mestilah bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah, dua rujukan utama yang mendidik umat Islam untuk menghayati nilai-nilai seperti kejujuran, tanggungjawab, amanah, kasih sayang dan ketakwaan. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah RA ketika ditanya mengenai akhlak Rasulullah SAW, beliau menjawab:

حَدَّثَنَا عَبْدُ السَّلَامِ، قَالَ: حَدَّثَنَا جَعْفَرُ، عَنْ أَبِي عِمْرَانَ، عَنْ يَزِيدَ بْنِ بَابْنُوسَ قَالَ: دَخَلْنَا عَلَى عَائِشَةَ فَقُلْنَا: يَا أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ، مَا كَانَ خُلُقَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ قَالَتْ: كَانَ خُلُقَهُ الْقُرْآنَ، تَقْرَأُونَ سُورَةَ الْمُؤْمِنِينَ؟ قَالَتْ: أَقْرَأُ: {قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ}، قَالَ يَزِيدُ: فَقَرَأْتُ: {قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ} إِلَى {لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ}، قَالَتْ: هَكَذَا كَانَ خُلُقَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Yazid ibn Yabnus berkata, "Kami pergi menemui 'Aisyah dan berkata, 'Umm al-Mu'minin, bagaimanakah akhlak Rasulullah SAW?' Dia menjawab, 'Akhlaknya ialah Al-Quran. Bolehkah kamu membaca surah bertajuk "Orang-orang Mukmin"?' Dia berkata, 'Bacalah: "Orang yang beriman itulah yang beruntung, iaitu orang-orang yang khusyuk dalam solatnya; mereka yang menjauhkan diri dari perkataan yang tidak berguna; mereka yang giat menunaikan zakat; orang-orang yang menjaga kemaluannya." 'Dia berkata, 'Itulah akhlak Rasulullah SAW'.

(23:1-5) (Al-Adab Al-Mufrad, 308)

Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW adalah teladan akhlak yang sempurna dan relevan sepanjang zaman. Peribadi Baginda menjelmakan segala ajaran al-Quran dalam bentuk praktikal, justeru mahasiswa Muslim perlu meneladani akhlak tersebut dalam menjalani kehidupan kampus. Al-Quran turut menegaskan perkara ini melalui firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ - وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ - كَثِيرًا

Terjemahannya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

(Surah al-Ahzab, 33:21)

Ayat ini memperkukuhkan kedudukan Rasulullah SAW sebagai model ideal dalam semua aspek kehidupan, termasuk dalam usaha membentuk karakter unggul. Maka, mahasiswa Muslim hendaklah meneladani Baginda dalam membina jati diri dan sahsiah Islami yang tulen (al-Attas, 1993).

Dalam konteks pendidikan tinggi, mahasiswa Muslim tidak hanya berperanan sebagai penerima ilmu, tetapi turut berperanan sebagai duta nilai dan akhlak Islam. Mereka membawa misi dakwah dan tanggungjawab untuk mengamalkan serta mempamerkan keperibadian Muslim sejati, selari dengan firman Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW. Oleh itu, kajian ini akan meneroka secara kontekstual bagaimana institusi pengajian tinggi menyumbang kepada pembinaan karakter mahasiswa Muslim, termasuk melalui kurikulum, persekitaran sosial kampus, dan peranan pensyarah serta aktiviti pelajar.

## **2. Pernyataan Masalah**

Terdapat kebimbangan yang semakin meningkat mengenai kemerosotan adab dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi, khususnya pelajar dalam bidang Pendidikan Pengajian Islam. Laporan media mencatatkan perilaku mahasiswa yang tidak menghormati pensyarah, menunjukkan sikap kurang sopan dalam interaksi akademik, termasuk melewati batas dalam hubungan pelajar dan pensyarah seperti berbicara secara tidak beradab dan bertindak tanpa sopan santun (Berita Harian, 2019)(Wahidah Pesol et al., 2023). Fenomena ini menimbulkan persoalan sama ada mereka sudah benar-benar bersedia untuk menjadi pendidik yang mampu menerapkan nilai adab dan akhlak dalam generasi akan datang.

Menurut Española (2024), sikap guru yang tidak prihatin terhadap murid, mudah marah, serta menunjukkan layanan tidak adil boleh menyebabkan pelajar hilang minat terhadap pembelajaran. Sekiranya pelajar pendidikan Islam sendiri tidak menggambarkan ciri-ciri sahsiah Muslim yang unggul semasa di universiti, maka harapan untuk melahirkan guru berintegriti yang mampu membentuk masyarakat madani akan semakin terhakis. Tambahan pula, terdapat dalam kalangan mahasiswa yang menganggap pensyarah sebagai rakan setara, sehingga mengabaikan batasan adab dalam percakapan dan tingkah laku (Wahidah Pesol et al., 2023).

Isu ini turut berkait rapat dengan kelemahan dalam penghayatan terhadap rukun Islam seperti solat, zakat dan amalan kehidupan beragama yang istiqamah. Menurut Khairul Hamimah Mohd Jodi (2006), kerapuhan dalam mengamalkan rukun Islam membuka ruang kepada pelajar terjebak dalam kelalaian dan maksiat, serta melemahkan usaha untuk menampilkan sahsiah Muslim yang konsisten dalam kehidupan kampus.

Kajian mendapati kelemahan penghayatan terhadap rukun Islam, khususnya solat lima waktu, zakat, dan istiqamah dalam ibadah, memberi kesan langsung terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Pelajar yang culas dalam melaksanakan solat lebih cenderung menunjukkan penurunan disiplin dan keterlibatan dalam maksiat, sekali gus melemahkan usaha membina sahsiah Muslim yang konsisten. Dapatan temu bual juga menunjukkan bahawa walaupun terdapat aktiviti keagamaan di kolej dan surau, penglibatan pelajar masih bergantung kepada minat individu, menyebabkan wujudnya jurang dalam penghayatan nilai Islam secara menyeluruh. Hal ini disokong oleh penegasan pensyarah bahawa turun naik iman, pengaruh rakan sebaya, dan kelalaian terhadap amalan agama sering menjadi faktor utama yang menjejaskan konsistensi sahsiah pelajar di kampus. Justeru, kelemahan dalam penghayatan rukun Islam bukan sahaja

meningkatkan risiko keterjebakan dalam kelalaian dan maksiat, malah secara langsung menjejaskan usaha universiti untuk melahirkan graduan yang berakhlak mulia dan berintegriti.

Oleh itu, persoalan penting yang wajar diteliti ialah: sejauh mana institusi pengajian tinggi berperanan dalam membina dan memperkukuh sahsiah Muslim dalam kalangan mahasiswa Pendidikan Pengajian Islam, khususnya dari aspek adab terhadap pensyarah, penghayatan nilai agama dan pengaruh persekitaran universiti. Kajian ini menjadi signifikan untuk mengenal pasti faktor-faktor penyumbang kepada krisis sahsiah dan bagaimana institusi boleh berfungsi dengan lebih berkesan dalam membentuk pelajar Muslim yang seimbang dari sudut intelek dan akhlak.

### **3. Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes untuk meneroka amalan sahsiah Muslim dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajian Islam (SHPI) Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Data dikumpul melalui temubual separa struktur yang melibatkan 8 orang responden – iaitu 4 pensyarah dari Akademi Tamadun Islam (2 senior dan 2 junior) serta 4 pelajar SHPI dari tahun pengajian berbeza (Tahun 1 hingga Tahun 4) yang dipilih secara rawak.

Instrumen temubual dibina sendiri oleh pengkaji dan diuji melalui kajian rintis bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan. Kajian rintis ini turut membantu memperhalusi teknik temubual dan memastikan soalan mudah difahami. Semua temubual dijalankan secara bersemuka atau melalui telefon pintar, dirakam dengan persetujuan responden, dan berlangsung selama 40 hingga 50 minit setiap sesi.

Proses temubual melibatkan hubungan awal yang baik dengan responden untuk mewujudkan suasana selesa dan terbuka. Penyelidik sendiri bertindak sebagai instrumen kajian dalam mengendalikan sesi temubual.

Data yang diperoleh akan ditranskripsikan secara manual dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Tema-tema utama dianalisis berdasarkan kerangka sahsiah Muslim seperti hubungan pelajar dengan Tuhannya, dirinya, ibu bapanya, keluarga, jiran, rakan, masyarakat, dan pensyarah. Setiap responden dikodkan (P1–P4 bagi pensyarah; M1–M4 bagi pelajar) untuk tujuan analisis. Data yang tidak berkaitan akan digugurkan.

**Jadual 1.** Ringkasan Demografi Responden

<b>Kod</b>	<b>Jantina</b>	<b>Jawatan</b>
<b>P1</b>	Lelaki	Pensyarah Bidang Syariah Undang-Undang
<b>P2</b>	Lelaki	Pensyarah Bidang Sirah
<b>P3</b>	Perempuan	Pensyarah Bidang Psikologi Islam
<b>P4</b>	Perempuan	Pensyarah Bidang Pendidikan Islam
<b>M1</b>	Lelaki	Pelajar Tahun 4 SHPI UTM
<b>M2</b>	Lelaki	Pelajar Tahun 3 SHPI UTM
<b>M3</b>	Lelaki	Pelajar Tahun 2 SHPI UTM
		YDP MPP UTM Sesi 2023/2024
<b>M4</b>	Lelaki	Pelajar Tahun 1 SHPI UTM
		Timbalan Presiden Rakan Pusat Islam UTM

#### 4. Dapatan Kajian

##### 4.1 Konsep Dan Definisi Sahsiah Muslim

Seperti yang kita semua sedia maklum, konsep sahsiah menurut Islam menuntut umat Islam untuk melakukan tindakan seharian berlandaskan syariat yang ditetapkan juga mengikut kepada al-Quran dan as-Sunnah. Sahsiah yang dituntut dalam Islam adalah perkara yang baik dalam perspektif Islam seperti perkara yang membawa kepada ketaatan contohnya ibadah dan sebagainya. Perkara yang baik dalam Islam adalah perintah daripada Allah S.W.T. dan kita sebagai muslim wajib menurut perintah demi mencapai kebahagiaan di dunia dan diakhirat. Rasulullah S.A.W. adalah sebaik-baik teladan untuk dijadikan contoh kepada umat Islam. Ini berkait rapat dengan firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ (١٠٧)

Terjemahan: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

(Surah al-Anbiya', 21:107)

Definisi sahsiah muslim itu sendiri berasal dari perilaku Rasulullah S.A.W. yang wajib kita contohi dalam kehidupan seharian kita kerana tubuh dan perilaku baginda merupakan syariat bagi umat Islam. Syariat pula adalah ajaran agama atau manhaj yang diutarakan oleh sebahagian ulama.

(Lisan al-'Arab 8/175, Tafsir al-Qurtubi 16/163 dan al-Makhdal li Dirasah al-Syariah 1/38).  
Syariah juga boleh kita rujuk firman Allah SWT:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيِّمًا عَلَيْهِ ۖ فَاحْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ ۗ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ ۚ لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا ۚ

Maksudnya: Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan suatu Syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing.

(Surah al-Ma'idah, 5:48)

Sahsiah yang berasal dari perkataan arab (شخص) bererti seseorang. Dari segi istilah pula sifat secara keseluruhan diri seseorang yang mulia serta dapat membezakan diri seseorang itu dengan orang lain (al-Qasimi dalam Ahmad Mokhtar 'Umar Muhyi al-Din Sobir, 1989).

Dengan cara seseorang individu tersebut berinteraksi, menyampaikan sesuatu, emosi, tingkah laku dan lain-lain adalah kaedah yang kita dapat tentukan keperibadian seseorang (Syafiqah Solehah et al, 2022). Sahsiah dapat disimpulkan kepada keperibadian seseorang. Keperibadian seseorang merangkumi aspek fizikal dan mental dari seseorang itu yang berbebeza dengan orang lain disebabkan oleh impian dan cita-cita seseorang terhadap sesuatu. Sahsiah juga adalah reflek mental individu dan ditunjukkan melalui fizikal mereka berdasarkan daripada pengalaman mereka dalam hal-hal yang tertentu.

#### 4.2 Dalil Sahsiah Muslim Dalam Islam

Firman Allah SWT:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ  
(٣١)

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".

(Surah Ali Imran, 3:31).

Ayat ini menjadi dalil bahawa ukuran cinta kepada Allah mestilah diterjemahkan melalui ketaatan kepada Rasulullah SAW. Menurut Tafsir Ibn Kathir, ayat ini dikenali sebagai Ayat al-Mihnah (ujian) kerana Allah SWT menguji dakwaan manusia yang mengaku mencintai-Nya, dengan menuntut agar mereka membuktikan kecintaan itu melalui ittiba' (mengikuti sunnah Rasulullah SAW). Ibn Kathir menegaskan bahawa sesiapa yang mengikuti Rasulullah SAW, maka tanda cintanya kepada Allah adalah sah, dan balasannya ialah kasih sayang serta keampunan Allah (Ibn Kathir, Tafsir al-Qur'an al-'Azim, Jil. 2, hlm. 32). Dari aspek sahsiah Muslim, ayat ini menuntut agar keperibadian Muslim dibentuk berdasarkan akhlak Rasulullah SAW kerana baginda adalah model teladan akhlak Qur'ani.

Sabda Nabi SAW:

وعن أبي هريرة رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم " أكمل  
المؤمنين إيماناً أحسنهم خلقاً، وخياركم خياركم لنسائهم " ((رواه الترمذي وقال :  
حديث حسن صحيح)).

Maksudnya: Dari Abu Hurairah radhiyallahu 'anhu, ia berkata: Rasulullah ﷺ bersabda, "Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya, dan sebaik-baik kamu adalah yang paling baik akhlaknya. isteri-isteri".

(At-Tirmidzi, yang mengkategorikannya sebagai Hadis Hasan Sahih) (Riyad as-Salihin, 278)

Hadis ini menunjukkan hubungan langsung antara kesempurnaan iman dan akhlak yang mulia. Menurut al-Nawawi dalam Syarh Riyad al-Salihin, iman yang sempurna tidak cukup dengan ibadah ritual semata, tetapi mesti dilengkapi dengan akhlak yang baik dalam kehidupan seharian. Akhlak yang baik di hadapan keluarga, khususnya isteri, menjadi kayu ukur utama kerana ia menggambarkan keikhlasan seseorang dalam mengamalkan agama di ruang lingkup terdekat. Dari sudut sahsiah Muslim, hadis ini menegaskan bahawa pembinaan karakter tidak boleh dipisahkan daripada aspek akhlak dalam perhubungan sosial, bermula dari keluarga hingga masyarakat (al-Nawawi, Syarh Riyad al-Salihin, Jil. 1, hlm. 245).

#### **4.3 Peranan Institusi Pengajian Tinggi dalam Membentuk Karakter Mahasiswa Muslim**

Kajian ini meneliti peranan institusi pengajian tinggi (IPT) khususnya Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam membentuk sahsiah Muslim dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajian Islam. Temubual separa struktur bersama pensyarah dan pelajar telah dianalisis secara tematik dan menghasilkan enam tema utama.

Namun demikian, isu kemerosotan adab mahasiswa tidak hanya berpunca daripada kelemahan individu, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman merujuk kepada kelemahan penghayatan agama, kurangnya disiplin diri, serta ketidakmampuan mengawal emosi dan nafsu yang akhirnya menjejaskan pembentukan sahsiah (Hamjah et al., 2018). Manakala faktor luaran termasuk pengaruh media sosial yang berlebihan sehingga mewujudkan budaya hedonisme dan kurangnya rasa hormat kepada pensyarah (Wahidah Pesol et al., 2023), kelemahan sistem pendidikan yang terlalu berorientasikan akademik tanpa memberi penekanan setara kepada aspek akhlak (Ibrahim, 2020), serta persekitaran kampus yang kadangkala tidak kondusif untuk penghayatan nilai Islam secara menyeluruh. Gabungan faktor-faktor ini memberi cabaran besar kepada IPT dalam usaha melahirkan mahasiswa Muslim yang beradab dan berintegriti.

#### **4.3.1 Kurikulum dan Pengajaran Komprehensif**

Pensyarah menekankan bahawa IPT memikul amanah ibu bapa dalam meneruskan proses pendidikan sahsiah pelajar. Hal ini selari dengan pandangan bahawa pendidikan tinggi bukan sekadar pemindahan ilmu, tetapi juga kesinambungan tanggungjawab dalam pembinaan akhlak dan sahsiah Muslim. Menurut responden P1, *“ibu bapa memainkan peranan besar... sekolah dan IPT memegang amanah... untuk memandu pelajar dalam membentuk sahsiah Muslim yang unggul”* (P1, 2024). Kenyataan ini menunjukkan bahawa IPT dilihat sebagai institusi penyambung dalam melengkapkan proses tarbiah yang telah dimulakan di rumah dan sekolah.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) turut dijadikan asas utama kerana ia menekankan keseimbangan Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelekt (JERI). Walaupun dirangka dalam konteks nasional, nilai yang terkandung dalam FPK adalah sejajar dengan prinsip Islam tentang pembangunan insan seimbang (*al-insan al-kamil*). Ini selari dengan dapatan Mohd Kamal Hassan (2010) yang menyatakan bahawa pendidikan Islam bersifat komprehensif kerana menggabungkan aspek intelektual, rohani, dan etika dalam satu kerangka pembangunan insan.

P2 pula menegaskan bahawa kurikulum mesti menyeluruh dan meliputi subjek asas seperti al-Quran, Hadis, Fiqh, dan Sirah. Beliau menyatakan, *“Kurikulum ini harus menjelmakan pembelajaran... intelektual, pemikiran, dan akhlak asasiyah”* (P2, 2024). Penekanan ini bertepatan dengan pandangan Al-Attas (1993) bahawa tujuan utama pendidikan adalah *ta’dib* (pembentukan adab), bukan sekadar penguasaan kognitif. Justeru, penyusunan kurikulum yang seimbang antara ilmu naqli (wahyu) dan ilmu aqli (rasional) amat penting dalam memperkukuh sahsiah pelajar.

Responden P3 menambah bahawa aspek akhlak dan tasawuf perlu dimasukkan sebagai subjek pelengkap. Pandangan ini selaras dengan dapatan kajian oleh Ibrahim (2020), yang menunjukkan bahawa penghayatan ilmu tasawuf dalam kalangan mahasiswa mampu meningkatkan ketahanan rohani serta mencegah gejala sosial. Hal ini membuktikan bahawa kurikulum yang holistik bukan sekadar menekankan pengetahuan agama secara teori, tetapi juga menitikberatkan dimensi kerohanian yang mendalam.

Selain kandungan kurikulum, elemen nasihat dan bimbingan dalam pengajaran turut dilihat penting. Menurut Hamzah (2012), proses pembelajaran berkesan berlaku apabila pensyarah bertindak bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, tetapi juga sebagai murabbi yang memberi teladan, nasihat, dan bimbingan rohani. Oleh itu, pendekatan pengajaran di IPT perlu dirangka untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga mantap sahsiahnya.

#### **4.3.2 Persekitaran Islamik**

Persekitaran yang kondusif dengan elemen Islam seperti papan peringatan adab pergaulan, kemudahan solat, dan pengasingan jantina dalam bilik kuliah dilihat memberi kesan positif terhadap sahsiah pelajar. Program berasaskan nilai Islam seperti kuliah dhuha, pengurusan jenazah, dan sembelihan turut membantu pelajar mempraktikkan nilai sahsiah Muslim dalam kehidupan kampus.

P2 mencadangkan papan notis peringatan batas pergaulan, pemisahan ruang belajar mengikut jantina, serta azan yang dikumandangkan sebagai elemen pembentuk “persekitaran yang islamik” (P2, 2024).

P4 menyatakan bahawa program seperti kuliah dhuha, sembelihan dan pengurusan jenazah mampu memperkasa pemahaman sahsiah: “Program seperti ini membantu pelajar memahami dan mengaplikasikan nilai-nilai Islam” (P4, 2024).

#### **4.3.3 Peranan Pensyarah sebagai Role Model dan Murabbi**

Pensyarah bukan hanya menyampaikan ilmu, malah berperanan sebagai model sahsiah dan murabbi kepada pelajar. Tunjuk ajar melalui keperibadian mulia, kesediaan mendengar, menasihati dan mendampingi pelajar menjadi ciri penting. Hubungan erat antara pensyarah dan pelajar dilihat sebagai medium penting untuk bimbingan berkesan.

Responden P2 menekankan bahawa “*pensyarah perlu menjadi role model, mengajar dari hati... mendekatkan pelajar kepada tujuan hidup mereka*” (P2, 2024). Pandangan ini selari dengan dapatan Thornberg et al. (2022) yang mendapati kualiti hubungan pensyarah dan pelajar memberi kesan langsung kepada motivasi, penglibatan dan disiplin pelajar di bilik kuliah. Menurut P1 pula, pensyarah dalam subjek agama wajar menyisipkan nilai Islam dalam pengajaran mereka: “*Walaupun silibus standard, pemikiran pensyarah... mempengaruhi pelajar*” (P1, 2024). Hal ini bertepatan dengan teori pendidikan Islam oleh Al-Attas (1993) yang menekankan konsep *ta’dib* iaitu proses penanaman adab melalui teladan guru.

Selain itu, P3 menegaskan bahawa pensyarah perlu menunjukkan akhlak yang baik dan menjadi teladan kepada pelajar. Kajian oleh Hamzah (2012) juga mendapati bahawa pelajar menilai kredibiliti guru bukan sahaja melalui penguasaan ilmu, tetapi juga melalui akhlak dan keperibadian yang ditonjolkan. Justeru, keberkesanan peranan pensyarah sebagai *murabbi* boleh

diukur bukan hanya pada pencapaian akademik, tetapi juga pada pembentukan disiplin dalaman, penghormatan terhadap ilmu, dan keupayaan mengawal tingkah laku pelajar.

Cadangan responden lain (misalnya P4) berhubung keberadaan azan di kampus dan pengasingan jantina juga perlu dianalisis secara lebih kritikal. Faktor persekitaran ini berperanan sebagai “peringat rohani” yang memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah. Dapatan kajian oleh Ibrahim (2020) menunjukkan bahawa suasana kampus yang kondusif dengan elemen syiar Islam (azan, masjid aktif, aktiviti kerohanian) meningkatkan komitmen mahasiswa terhadap ibadah dan mengurangkan penglibatan mereka dalam aktiviti tidak berfaedah. Begitu juga, pengasingan jantina dalam konteks tertentu terbukti menyumbang kepada pengawalan interaksi sosial dan memupuk rasa malu (*haya'*), yang menurut teori pembangunan sahsiah Islam adalah asas penting dalam menjaga maruah dan akhlak pelajar (Al-Nawawi, 1999).

#### **4.3.4 Penglibatan dalam Program Khidmat Masyarakat**

Aktiviti luar bilik kuliah seperti dakwah jalanan, pengurusan jenazah, dan kerja sukarelawan dilihat menyumbang kepada pembentukan sahsiah melalui pengalaman langsung. Keterlibatan pensyarah bersama pelajar dalam aktiviti ini memperkukuh hubungan serta memberi nilai tambah dalam pembangunan karakter mahasiswa.

P2 menyatakan bahawa program seperti dakwah jalanan dan membantu anak yatim mampu membentuk disiplin dan kerjasama: “Program ini membantu membentuk disiplin, kerjasama, dan kemahiran menulis” (P2, 2024).

P3 pula berkata, “Program yang melibatkan pensyarah dan pelajar secara dekat... membantu pelajar menerima bimbingan dengan lebih baik” (P3, 2024).

#### **4.3.5 Penilaian dan Maklum Balas Berterusan**

Sahsiah pelajar perlu dinilai secara menyeluruh melalui kaedah formal seperti ujian dan tidak formal seperti usrah. Pensyarah disarankan untuk melibatkan diri secara aktif dalam pemantauan perkembangan sahsiah pelajar, termasuk melalui program persatuan dan maklum balas pelajar sendiri. Penilaian terhadap impak program yang dilaksanakan juga menjadi indikator keberkesanan pembentukan sahsiah.

P1 menyarankan gabungan penilaian formal dan tidak formal seperti ujian serta sesi usrah: “Nilai pelajar melalui ujian... dan sesi tidak formal seperti usrah” (P1, 2024).

P2 pula menekankan kepentingan soal selidik dan bantuan mentor: “Maklum balas pelajar... boleh dinilai melalui usrah, daurah, dan hubungan hati yang baik” (P2, 2024).

#### 4.3.6 Kualiti Pengajaran dan Unsur Nasihat

Kualiti pengajaran yang tinggi disertai dengan nasihat yang membina dan berterusan adalah asas kepada pembentukan karakter Muslim. Pensyarah perlu menyesuaikan pendekatan dengan keperluan pelajar dan memastikan nasihat yang diberikan menyentuh aspek kehidupan sebenar pelajar. Karakter pelajar yang unggul dilahirkan melalui pengajaran yang penuh hikmah, ikhlas dan teladan.

Kata P2: “Pengajaran perlu diselitkan dengan unsur nasihat-menasihati... jadikan pelajar lebih hebat daripada pensyarah sendiri” (P2, 2024).

P4 menekankan kepentingan membantu pelajar menghadapi tekanan hidup dan cabaran emosi: “Pensyarah perlu semakan nasihat dan bimbingan... seperti mengajar bahawa bunuh diri adalah dosa besar” (P4, 2024).

**Jadual 2.** Matriks Analisis Tematik

<b>Tema Utama</b>	<b>Isu/Tumpuan</b>	<b>Pandangan Responden</b>	<b>Kutipan Temu Bual</b>
<b>Kurikulum dan Pengajaran Komprehensif</b>	Amanah pendidikan sahshiah dari rumah ke IPT	Perlu kesinambungan antara didikan ibu bapa dan IPT	“IPT memegang amanah daripada ibu bapa untuk memandu pelajar dalam membentuk sahshiah Muslim yang unggul.” (P1, 2024)
	Kandungan kurikulum agama	Pengajian al-Quran, Hadis, Fiqh, Sirah perlu menyeluruh	“Kurikulum ini harus menjelmakan pembelajaran... akhlak asasiyah.” (P2, 2024)
	Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)	FPK selari dengan kehendak Islam (JERI)	“Keseimbangan JERI itu pun dah boleh dikatakan cukup.” (P1, 2024)
	Subjek pengukuhan sahshiah	Subjek akhlak, tasawuf dan psikologi membantu pembinaan karakter	“Perlu ada subjek seperti psikologi dan akhlak.” (P3, 2024)
	<b>Persekitaran Islamik</b>	Pengasingan jantungina & peringatan agama	Notice board, azan, ruang belajar terpisah
Aktiviti pembentukan nilai		Sembelihan, jenazah, kuliah dhuha	“Program seperti kuliah dhuha... bantu pelajar memahami nilai Islam.” (P4, 2024)

	Peranan keluarga dan universiti	Kerjasama ibu bapa – pensyarah	“Universiti perlu... dengan komunikasi antara tenaga pengajar dan ibu bapa.” (P3, 2024)
<b>Peranan Pensyarah sebagai Role Model dan Murabbi</b>	Akhlak pensyarah	Tunjuk contoh akhlak baik, hadir awal, sopan	“Pensyarah perlu menunjukkan akhlak yang baik.” (P4, 2024)
	Cara pengajaran	Pengajaran dari hati, nilai murni	“Mengajar dari hati... dan bimbing pelajar.” (P2, 2024)
	Hubungan pensyarah-pelajar	Hubungan baik beri impak	“Hubungan yang lebih erat... perlu diperkukuhkan.” (P3, 2024)
	Amanah pensyarah	Amanah daripada ibu bapa	“Pensyarah mempunyai amanah untuk membimbing pelajar.” (P3, 2024)
<b>Program Khidmat Masyarakat dan Penglibatan Pelajar</b>	Aktiviti luar bilik kuliah	Dakwah jalanan, pengurusan jenazah, anak yatim	“Program ini membantu membentuk disiplin, kerjasama.” (P2, 2024)
	Pengaruh bersama pensyarah	Hubungan terjalin dalam program	“Program seperti beraya bersama... bantu pelajar terima bimbingan.” (P3, 2024)
<b>Penilaian Berterusan dan Maklum Balas</b>	Penilaian formal dan tidak formal	Ujian, pembentangan, usrah	“Penilaian melalui ujian, pembentangan dan usrah.” (P1, 2024)
	Maklum balas pelajar	Soal selidik, bimbingan mentor/usrah	“Bantuan mentor, daurah... beri maklum balas lebih dekat.” (P2, 2024)

	Nilai selepas program	Ukur impak sahsiah selepas aktiviti	“Program sebenar itu... selepas habis program tu dia macam mana.” (P2, 2024)
<b>Kualiti Pengajaran dan Nasihat Berterusan</b>	Nasihat dalam pengajaran	Sentiasa menasihati, bukan sekadar isi akademik	“Nasihat perlu diselitkan dalam pengajaran... jadikan pelajar lebih hebat.” (P2, 2024)
	Bimbingan dan sokongan emosi	Menangani tekanan pelajar	“Pensyarah perlu bantu pelajar cari jalan penyelesaian.” (P4, 2024)
	Penampilan dan teladan	Pakaian, gaya hidup mempengaruhi pelajar	“Usaha mendidik perlu ditekankan melalui penampilan.” (P3, 2024)

## 5. Perbincangan

Hasil kajian ini menegaskan bahawa pembentukan sahsiah Muslim dalam kalangan mahasiswa tidak berlaku secara spontan, sebaliknya merupakan hasil daripada sinergi pelbagai faktor termasuk kurikulum, persekitaran kampus, peranan pensyarah, serta penglibatan pelajar dalam aktiviti berbentuk nilai dan khidmat masyarakat. Penemuan ini bertepatan dengan pandangan Abdullah (2011) yang menekankan bahawa pendidikan Islam di peringkat universiti perlu menekankan aspek adab dan akhlak di samping penguasaan ilmu pengetahuan.

Kurikulum komprehensif yang meliputi al-Quran, Hadis, Fiqh, Sirah dan akhlak asasiyah jelas menyumbang kepada pembinaan intelektual dan spiritual pelajar. Penekanan responden terhadap keperluan subjek tasawuf dan akhlak adalah selari dengan dapatan Ibrahim (2020) bahawa pendekatan pendidikan holistik yang menggabungkan dimensi rohani dapat mencegah gejala sosial dan membina jati diri mahasiswa. Seiring dengan pandangan Al-Attas (1993), tujuan utama pendidikan ialah *ta'dib*, iaitu pembentukan adab, justeru kurikulum perlu melangkaui aspek kognitif semata-mata.

Persekitaran kampus yang mengintegrasikan syiar Islam seperti azan, kuliah dhuha dan pengasingan jantina didapati mempengaruhi disiplin dalaman serta keterikatan pelajar terhadap amalan agama. Dapatan ini berhubung dengan teori pembangunan sahsiah Islam yang meletakkan *haya'* (rasa malu) sebagai asas akhlak Muslim (al-Nawawi, 1999). Dalam konteks semasa, peranan persekitaran sebagai faktor luaran turut disokong oleh kajian Wahidah Pesol et al. (2023) yang mendapati pengaruh media sosial dan budaya kampus boleh melemahkan adab mahasiswa jika tidak diseimbangkan dengan peringatan agama.

Pensyarah sebagai *murabbi* berperanan membentuk karakter mahasiswa melalui teladan akhlak, hubungan mesra, dan bimbingan berterusan. Hasil kajian menunjukkan kredibiliti pensyarah diukur bukan sahaja melalui penguasaan ilmu, tetapi juga keperibadian mereka. Ini konsisten dengan dapatan Thornberg et al. (2022) yang menekankan bahawa kualiti hubungan guru-pelajar memberi kesan signifikan terhadap motivasi dan keterlibatan pelajar. Hamzah (2012) turut menegaskan bahawa guru sebagai *murabbi* perlu menggabungkan pengajaran akademik dengan nasihat dan teladan untuk mencapai kesan menyeluruh.

Aktiviti berbentuk khidmat masyarakat seperti dakwah jalanan, pengurusan jenazah, dan kerja sukarela bukan sahaja memberi pengalaman praktikal, tetapi juga meningkatkan rasa tanggungjawab sosial mahasiswa. Dapatan ini selari dengan pandangan Hassan (2010) bahawa pendidikan Islam harus melahirkan insan seimbang yang berfungsi sebagai agen perubahan masyarakat.

Penilaian berterusan melalui ujian, usrah, dan maklum balas pelajar membuktikan bahawa pembangunan sahsiah tidak boleh diukur hanya dengan pencapaian akademik. Sebaliknya, ia perlu dilihat dari segi perubahan tingkah laku, disiplin, dan penghayatan agama dalam kehidupan seharian. Hal ini selaras dengan cadangan Hamjah et al. (2018) yang menekankan solat sebagai mekanisme kawalan emosi dan disiplin dalaman mahasiswa.

Secara keseluruhan, keputusan kajian ini memperkukuh hujah bahawa IPT merupakan penyambung amanah ibu bapa dan sekolah dalam membentuk sahsiah Muslim. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan keseimbangan JERI jelas selari dengan kerangka pembangunan insan dalam Islam, dan terbukti mampu diaplikasikan dalam konteks UTM bagi melahirkan mahasiswa berilmu, berakhlak dan berdaya saing.

## **6. Kesimpulan**

Kajian ini menyoroti peranan institusi pengajian tinggi dalam membina dan memantapkan sahsiah Muslim dalam kalangan mahasiswa, khususnya pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajian Islam di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Berdasarkan hasil analisis, jelas bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja berfungsi sebagai tempat penghasilan ilmu, bahkan turut memainkan peranan penting sebagai ruang pembangunan karakter dan nilai diri mahasiswa secara holistik.

Sorotan terhadap pelbagai aspek seperti kurikulum komprehensif, persekitaran Islamik, peranan pensyarah sebagai *murabbi*, penglibatan dalam khidmat masyarakat, penilaian berterusan serta bimbingan spiritual menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah Muslim adalah hasil sinergi pelbagai faktor institusi yang bersepadu. Pendekatan yang dilaksanakan dalam konteks UTM menonjolkan bagaimana integrasi elemen-elemen nilai Islam dalam proses pendidikan formal dapat menyumbang kepada pembentukan mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang secara akademik, malah berintegriti, beretika dan berpandangan jauh.

Kesimpulan yang dapat dirumuskan ialah universiti perlu bergerak lebih proaktif dalam melaksanakan falsafah pendidikan yang selari dengan prinsip Islam, menerusi peranan seluruh ekosistem kampus termasuk pensyarah, pentadbir, kelab dan persatuan, serta sistem sokongan pelajar. Dalam hal ini, Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan keseimbangan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) dilihat berpadanan dengan tuntutan pembinaan sahsiah Muslim. Justeru, universiti berupaya menjadi medan latihan terbaik bagi mahasiswa Muslim untuk membina jati diri yang kukuh dan seterusnya menjadi agen perubahan kepada masyarakat luar.

Secara keseluruhan, sorotan literatur ini memperlihatkan bahawa pembinaan sahsiah Muslim mahasiswa bukan hanya bergantung kepada pelajar itu sendiri, tetapi turut melibatkan tanggungjawab kolektif pelbagai pihak. Ini termasuk institusi pengajian tinggi sebagai pembentuk dasar dan struktur sokongan, pensyarah sebagai role model, serta persekitaran kampus yang membudayakan nilai-nilai Islam dalam aktiviti seharian. Oleh itu, pembentukan karakter Muslim dalam kalangan mahasiswa perlu dilihat sebagai agenda strategik institusi yang memerlukan komitmen menyeluruh, berterusan dan tersusun agar universiti benar-benar mampu melahirkan insan rabbani yang berdaya saing dan berakhlak mulia.

### **Penghargaan**

Tiada.

### **Konflik Kepentingan**

Tiada.

### **Penyataan Etika**

Tiada.

### **Sumbangan Penulis**

Afiq Afnan Surjana <sup>1\*</sup>: Konsep, Metodologi, Pengurusan Data, Penulisan – Draf Asal.

Afiq Fadhlullah Yusoff <sup>2</sup>: Penyeliaan, Pengesahan, Penulisan – Semakan & Penyuntingan.

Muhammad Al Afiq Amiruddin <sup>3</sup>: Sumber, Pengurusan Data, Semakan & Penyuntingan.

### **Ketersediaan Data**

Tiada.

## Rujukan

- Abdullah, M. N. (2011). *Pendidikan Islam dan pembentukan akhlak: Analisis terhadap pendekatan kurikulum di institusi pengajian tinggi*. *Jurnal Pendidikan Islam*, 19(1), 23–35.
- Ahmad Mokhtar 'Umar, & Muhyi al-Din Sobir. (1989). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asarah*. Kaherah: al-'Arabiyyah lil Mausu'at.
- Ahmad, W., Ismail, Z., & Zulkifli, S. (2019). Cabaran mahasiswa terhadap pemerkasaan adab dalam pendidikan tinggi: Kajian kes di universiti awam Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(2), 45–58.
- Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Bukhari. (n.d.). *Al-Adab al-Mufrad*. Hadis no. 308.
- Al-Makhdal, A. A. (2008). *Al-Makhdal li Dirasah al-Syariah* (Jil. 1, hlm. 38). Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Nawawi. (n.d.). *Riyad al-Salihin* (no. 278). Dar al-Minhaj.
- Al-Nawawi. (n.d.). *Syarh Riyad al-Salihin* (Jil. 1). Dar al-Minhaj.
- Al-Qur'an al-Karim. (n.d.). Surah Ali 'Imran [3:31].
- Al-Qur'an. (n.d.). Surah al-Anbiya' [21:107].
- Al-Qur'an. (n.d.). Surah al-Ma'idah [5:48].
- Al-Qurtubi, A. (2006). *Tafsir al-Qurtubi (Tafsir al-Jami' li Ahkam al-Qur'an)*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- At-Tirmidzi, M. 'Isa. (n.d.). *Al-Jami' al-Kabir (Sunan al-Tirmidzi)*. Dar al-Gharb al-Islami.
- Berita Harian. (2019, 17 April). Mahasiswa kena beradab, jangan kurang ajar – Pensyarah. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/553641/mahasiswa-kena-beradab-jangan-kurang-ajar-pensyarah>
- Hamjah, S. H., Ismail, Z., & Rasit, R. M. (2018). Solat sebagai mekanisme kawalan emosi dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. *Jurnal Usuluddin*, 46(1), 91–112.
- Hamzah, M. I. (2012). *Pendidikan sebagai proses tarbiah, ta'dib dan tazkiyah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, M. K. (2010). *Pendidikan Islam dalam pembinaan tamadun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Kathir, I. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Jil. 2). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibnu Manzur. (1990). *Lisan al-'Arab* (Jil. 8, hlm. 175). Beirut: Dar Sadir.
- Ibrahim, R. (2020). Pendidikan holistik dalam membentuk sahsiah pelajar IPT: Analisis dari perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 52(2), 87–106.
- Jodi, K. H. M. (2006). Kefahaman pelajar terhadap rukun Islam dan pengaruhnya terhadap sahsiah pelajar (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia). UKM.
- Marzuki, N. (2005). Persepsi pelajar-pelajar KPLI Maktab Perguruan Kuala Terengganu terhadap personaliti pensyarah (Kajian empirikal) [Tesis Sarjana, IPT].

- Pesol, W., Ismail, H., & Zulkifli, S. (2023). Cabaran mahasiswa terhadap pemerkasaan adab dalam pendidikan tinggi: Kajian kes di universiti awam Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(2), 45–58.
- Syafiqah Solehah, N. S., Sulaiman, A., & Jamal, R. (2022). Pembinaan modul pembangunan sahsiah remaja: Kajian awal berdasarkan pendekatan psikospiritual Islam. *Jurnal Psikologi Islam Malaysia*, 6(1), 25–35. <https://doi.org/10.37253/jpism.vol6.no1.2022.369>
- Thornberg, R., Backström, Å., & Elvstrand, H. (2022). Teacher–student relationship quality and student engagement: A systematic review. *Research Papers in Education*, 37(7), 1096–1128. <https://doi.org/10.1080/02671522.2020.1864772>

**Penafian/Nota Penerbit:** Pernyataan, pendapat dan data yang terkandung di dalam semua penerbitan hanya sanya dihasilkan oleh para penulis dan penyumbang dan bukannya daripada RISE dan/atau para editornya. RISE dan/atau para editornya tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan yang berlaku pada orang atau harta benda yang berpunca daripada mana idea, metode, arahan atau produk yang dirujuk daripada kandungan yang dinyatakan di dalam manuskrip.